

JENAMA

Hamzah bersama wakil Etika dengan kerjasama ANGKASA mengagihkan susu Goodday kepada pelajar sekolah di Meru, semalam.



Etika, ANGKASA sumbang pem susu kepada ribuan murid

➔ Program berterusan bantu tingkat kesihatan kanak-kanak

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pengeluar minuman, Etika Group of Companies (Etika) bekerjasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk menyumbangkan pem susu Goodday kepada ribuan murid sekolah dalam beberapa minggu akan datang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata 'Program Susu Sekolah Goodday' adalah komitmen berterusan syarikat itu untuk membantu meningkatkan kesihatan kanak-kanak.

Katanya, susu mengandungi nutrien penting dalam pertumbuhan kanak-kanak, khu-

susnya murid-sekolah kerana membolehkan mereka cerdas di bilik darjah dan sukan.

"Pengeluaran pelbagai perisa susu termasuk yang terkini Goodday Madu dan Goodday Teh Hijau pastinya turut memberi manfaat kepada kanak-kanak," katanya dalam satu kenyataan media dikeluarkan Etika, semalam.

Naik taraf kilang Etika

Baru-baru ini, Hamzah merasakan projek menaik taraf kilang pengeluaran produk tenusu Etika di Meru, Klang dengan pelaburan sebanyak RM100 juta.

Sebelum ini, Presiden dan Ketua Eksekutifnya Etika, Erwin Selvarajah dilaporkan berkata pihak menjalin kerjasama dengan ANGKASA untuk mengagihkan pem susu (susu dalam paket) kepada pelajar sekolah.

Katanya, ia adalah sebahagian daripada komitmen kumpulan untuk mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk di negara ini.

"Dengan membekalkan susu kepada pelajar sekolah, ia membantu memupuk pemahaman mengenai kesihatan yang baik pada usia yang masih muda," katanya.

Fakta nombor

RM100 JUTA

pelaburan projek menaik taraf kilang pengeluaran produk tenusu Etika

Perpustakaan Koperasi Malaysia